

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Tuesday, 16 May, 2017 4:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Mohd Idzwan bin Yacob
Subject: INASIS TNB ONLINE: EXPLORASI GUA TEMPURUNG



16 MEI 2017, SELASA | 19 SYA'BAN 1438H



INASIS TNB ONLINE: Seramai 37 orang peserta dari Inapan Siswa (INAPAN) TNB menyertai aktiviti lasak iaitu Eksplorasi Gua Tempurung anjuran Biro Integrasi dan Antarabangsa Jawatankuasa

Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) INASIS TNB yang diadakan di Gopeng, Perak baru-baru ini.

Ketinggian Gua Tempurung yang didaki oleh peserta setinggi 120 meter, manakala panjang gua tersebut dianggarkan 1.9 kilometer (km) dan terdapat sungai sejauh 1.6 kilometer (km) yang perlu diharungi oleh peserta yang dikenali sebagai Sungai Gua Tempurung. Eksplorasi gua ini mengambil masa lebih tiga jam.

Pengarah program, Siti Fatimah Mat Yaman berkata, program ini secara tidak langsung memberi pengalaman dalam menghayati keindahan gua sekaligus mengajar erti kerjasama berpasukan dalam kalangan mahasiswa.

“Menerokai Gua Tempurung memberikan satu pandangan positif mengenai perlindungan alam semula jadi yang menjadi tanggungjawab semua pihak”, ujar Muhammad Ikmal Saidi, peserta Eksplorasi Gua Tempurung.

Menurut jurupandu gua, Eksplorasi Gua Tempurung merupakan satu aktiviti yang menyeronokkan di samping dapat memberi pengalaman baru kepada mahasiswa mengenai keindahan yang tidak akan dijumpai jika tidak diteroka.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.